

1981

KUALA LUMPUR, 28 MAC (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PASUKAN POLIS BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENETUKAN BAHAWA PERHUBUNGAN MEREKA DENGAN MASYARAKAT SENTIASA ERAT UNTUK MENDAPATKAN SAMBUTAN MASYARAKAT YANG POSITIF.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN INI NEGARA AKAN DAPAT MENIKMATI KESTABILAN DAN KEAMANAN UNTUK MEMBOLEHKAN PROJEK-PROJEK EKONOMI DAN SOSIAL YANG TELAH DIATUR OLEH KERAJAAN BERJALAN LANCAR DAN BERJAYA.

BERUCAP DI PERBARISAN HARI POLIS DI PUSAT LATIHAN POLIS DI SINI, BELIAU BERKATA SETIAP ANGGOTA POLIS PERLU MENITIKBERATKAN TEMA PERAYAAN HARI POLIS TAHUN INI, +BERKHIDMAT UNTUK MASYARAKAT+.

MASYARAKAT YANG ADIL DAN PROGRESIF MEMERLUKAN SATU PASUKAN POLIS YANG PROGRESIF JUGA UNTUK MENGUATKUASA DAN MENGENDALI UNDANG-UNDANG NEGARA DENGAN ADIL, TERATUR DAN SEMPURNA.

PANDANGAN MASYARAKAT ATAU PENDAPAT UMUM TERHADAP PASUKAN POLIS ADALAH PENTING SEKALI, TEGASNYA.

PERHUBUNGAN POLIS DENGAN MASYARAKAT MEMPUNYAI BANYAK IMPLIKASINYA KEPADA KESEJAHTERAAN PASUKAN POLIS ITU SENDIRI DAN OLEH ITU BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENENTUKAN PERHUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT SENTIASA ERAT. —BERSAMBUNG 1615/MD

#### MAHATHIR-POLIS 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MASYARAKAT AKAN BERSIMPATI DENGAN POLIS DALAM USAHA MENETANG MUSUH NEGARA DAN MENCEGAH JENAYAH DENGAN MEMBERI MAKLUMAT YANG BERGUNA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN PASUKAN POLIS AKAN DAPAT MENGEKALKAN MUTU DISIPLIN YANG TINGGI SEMASA MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TERHADAP MASYARAKAT KERANA DISIPLIN ITU MERUPAKAN AKAR TUNJANG PERKHIDMATAN MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP JASA ANGGOTA PASUKAN POLIS YANG TERKORBAN DALAM MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA TIDAK DILUPAI, MALAH RAKYAT DAN NEGARA SENTIASA MENJUNJUNG TINGGI JASA ITU.

SEBELUM ITU, BELIAU TELAH MEMERIKSA DAN MENERIMA TABIK HORMAT DARI PERBARISAN SERAMAI 1,192 ORANG PEGAWAI DAN ANGGOTA SERTA KUMPULAN PANJI-PANJI DAN KENDERAAN POLIS. PEMANGKU KETUA POLIS NEGARA TAN SRI MOHAMED AMIN OSMAN TELAH MENYAMPAIKAN ENDERAMATA BERUPA PEDANG PERAK KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR. —BERNAMA 1622/MD